



**MENELUSURI
SEJARAH
SOSIO-
EKONOMI
TANAH MELAYU
DARI
PERSPEKTIF BAHARU**

51

Sivachandralingam Sundara Raja et al.



8/12/2021

MENELUSURI
SEJARAH
SOSIO-
EKONOMI
TANAH MELAYU
DARI
PERSPEKTIF BAHARU





MENELUSURI SEJARAH SOSIO- EKONOMI TANAH MELAYU DARI PERSPEKTIF BAHARU

PUSTAKA PERDANA



1012938

Sivachandralingam Sundara Raja
Mardiana Nordin
Abu Hanifah Haris
Noraini Mohamed Hassan
Ho Hui Ling




PENERBIT
UNIVERSITI
MALAYA

KUALA LUMPUR

2020

Diterbitkan oleh
Penerbit Universiti Malaya
Universiti Malaya
50603 Kuala Lumpur
www.umpress.com.my



CERTIFIED TO ISO 9001:2008
CERT NO. AR 2700

Ahli Pengasas Persatuan Penerbit Buku Malaysia (MABOPA) No. 196906
Ahli Pengasas Majlis Penerbitan Ilmiah Malaysia (MAPIM)

© Sivachandralingam Sundara Raja et al. 2020

Semua hak terpelihara.
Tiada mana-mana bahagian jua
daripada penerbitan ini
boleh diterbitkan semula atau disimpan
dalam bentuk yang boleh diperolehi semula
atau disiarkan dalam sebarang bentuk
dengan apa cara sekali pun
termasuk elektronik, mekanikal, fotokopi,
rakaman atau lain-lain tanpa
mendapat izin daripada Penerbit.

Perpustakaan Negara Malaysia

Data Pengkatalogan-dalam-Penerbitan

Sivachandralingam Sundara Raja

Menelusuri Sejarah Sosioekonomi Tanah Melayu dari Perspektif Baharu /
Sivachandralingam Sundara Raja, Mardiana Nordin, Abu Hanifah Haris,
Noraini Mohamed Hassan, Ho Hui Ling.

ISBN 978-967-488-131-3

1. Malaya--History.
 2. Malaya--Economic conditions.
 3. Malaya--Social conditions.
 4. Government publications--Malaysia.
- I. Mardiana Nordin. II. Abu Hanifah Haris.
III. Noraini Mohamed Hassan. IV. Ho, Hui Ling.
V. Judul.
959.51

Dicetak oleh
Penerbit Universiti Malaya
Universiti Malaya
50603 Kuala Lumpur

959.51
SIV

Kandungan

<i>Senarai Rajah dan Jadual</i>	<i>vii</i>
<i>Prakata</i>	<i>ix</i>
1 Melaka sebagai Emporium Perdagangan Antarabangsa Abad ke-15 dan Perkembangannya di Era Portugis dan Belanda	1
Kemunculan Pelabuhan Melaka Sebagai Kuasa Ekonomi Alam Melayu dan Dunia	1
Portugis Menduduki Melaka	24
Belanda Bertapak di Melaka	32
Kesimpulan	39
2 Dasar Perdagangan Bebas dan Perubahan Sosioekonomi Negeri-Negeri Selat dan Negeri-Negeri Melayu, 1786-1850-an	41
Penguasaan Pulau Pinang dan Singapura	42
Perkembangan Negeri-Negeri Selat	57
Dasar Perdagangan Bebas dan Modal sebagai Instrumen dalam Perkembangan Sosioekonomi Negeri-Negeri Melayu	72
Kesimpulan	76
3 Pendidikan sebagai Pemangkin Pembangunan Sosioekonomi Negeri-Negeri Melayu	79
Perkembangan Pendidikan Tanah Melayu dan Dasar British	80
Pendidikan Sebagai Pemangkin Pembangunan Sosioekonomi Negeri-Negeri Melayu	124
Kesimpulan	147

4	Institut Penyelidikan Perubatan sebagai Instrumen Pembangunan Sosioekonomi Negeri-Negeri Melayu	153
	Perkembangan Kuasa British di Negeri-Negeri Melayu	154
	Perkembangan Ekonomi dan Penularan Penyakit	156
	Penubuhan dan Perkembangan Institut Penyelidikan Perubatan	160
	Institut Penyelidikan Perubatan sebagai Instrumen Pembangunan Sosioekonomi	164
	Kesimpulan	175
5	Institut Penyelidikan Getah Tanah Melayu sebagai Pemangkin Pembangunan Negeri-Negeri Melayu	177
	Sejarah Perkembangan Penanaman Getah di Negeri-Negeri Melayu	178
	Penubuhan dan Perkembangan RRIM	186
	Pencapaian dan Cabaran Yang Dihadapi oleh RRIM dalam Industri Getah	197
	RRIM sebagai Pemangkin Pembangunan Sosioekonomi di Negeri- Negeri Melayu	213
	Kesimpulan	227
	Bibliografi	229
	Indeks	245

Senarai Rajah dan Jadual

RAJAH

Rajah 5.1:	Logo RRIM	190
------------	-----------	-----

JADUAL

Jadual 1.1:	Jadual 1.1: Organisasi dalam Kapal Menurut <i>Undang-Undang Laut Melaka</i>	18
Jadual 1.2:	Fasal-fasal dalam <i>Hukum Kanun Melaka</i> yang Menyentuh tentang Aspek Ekonomi dan Perdagangan	25
Jadual 2.1:	Pengeluaran Timah Negeri-Negeri Melayu, 1835	61
Jadual 5.1:	Keluasan Kawasan Penanaman Getah di NNMB, 1897-1909	182
Jadual 5.2:	Keluasan Kawasan Getah di Tanah Melayu, 1913-1918 (ekar)	183
Jadual 5.3:	Eksport Getah dari Pelabuhan-pelabuhan Utama, 1909-1914 (tan)	184
Jadual 5.4:	Kawasan Penanaman Semula Getah selepas Zaman Pendudukan Jepun di Negeri-Negeri Melayu (ekar)	206
Jadual 5.5:	Hasil Pengeluaran Getah di Negeri-Negeri Melayu, 1940-1957 (tan)	217
Jadual 5.6:	Kawasan Penanaman Getah, 1940-1955 (ekar)	219
Jadual 5.7:	Guna Tenaga dalam Sektor Perladangan di Tanah Melayu, 1921-1957	220

Jadual 5.8:	Pertambahan Orang India di Negeri-Negeri Melayu, 1911-1931	221
Jadual 5.9:	Jumlah Orang India di Negeri-Negeri Melayu, 1901-1957	222
Jadual 5.10:	Penduduk Mengikut Kaum di Tanah Melayu, 1911-1957	224

Prakata

Sejarah sosioekonomi Malaysia sehingga kini hanya dikaji mengikut tema-tema yang berasingan tanpa satu kesinambungan faktor. Buku ini yang berjudul *Menelusuri Sejarah Sosioekonomi Tanah Melayu dari Perspektif Baharu* merupakan satu usaha rintis untuk melihat kesinambungan faktor yang membawa kepada penguasaan ekonomi British di Tanah Melayu antara 1500-1957. Kesinambungan ini dikesan dari segi penggunaan instrumen/jentera ekonomi bagi mengintegrasikan ekonomi British. Instrumen yang menjadi pilihan dalam buku ini adalah dasar perdagangan bebas, institusi pendidikan, institusi penyelidikan perubatan dan institusi penyelidikan getah. Kesemua instrumen/jentera ekonomi ini dilihat mempunyai perkaitan yang jelas dalam menjamin kelangsungan pemerintahan British.

Buku ini bermula dengan mengesan perkembangan ekonomi zaman Melaka sehingga Tanah Melayu mencapai kemerdekaan. Lima tema utama dalam buku ini mempunyai kesinambungan dalam menjelaskan faktor pertumbuhan ekonomi dan kesannya ke atas masyarakat peribumi dan imigran. Bab pertama, “Melaka Sebagai Emporium Perdagangan Antarabangsa Abad ke-15 dan Perkembangannya di Era Portugis dan Belanda” mengehalkan perkembangan Melaka sebagai pusat perdagangan penting abad ke-15 disebabkan pemerintahnya menjalankan dasar perdagangan bebas dan pelabuhan bebas iaitu satu instrumen penting yang memesatkan perdagangan Melaka. Keunggulan Melaka sebagai pusat perdagangan dunia dimusnahkan oleh Portugis dan Belanda yang mengamalkan dasar monopoli. Tindakan ini memberi kesan negatif kepada pedagang yang berdagang di Melaka dan menyebabkan Melaka hilang kemasyhuran dan menjejaskan kedudukan sosioekonomi. Ramai pedagang mula meninggalkan Melaka dan berpindah ke pelabuhan-pelabuhan lain di Kepulauan Melayu. Situasi ini kekal sehingga 1786.

Bab kedua “Dasar Perdagangan Bebas dan Perubahan Sosioekonomi Negeri-Negeri Selat dan Negeri-Negeri Melayu, 1786-1850-an” menghalkan bagaimana penguasaan pelabuhan Pulau Pinang, Singapura dan seterusnya penubuhan Negeri-Negeri Selat (NNS) merangsangkan perdagangan Kepulauan Melayu melalui instrumen perdagangan bebas. Penguasaan Pulau Pinang oleh Francis Light pada 1786 dan Singapura oleh Stamford Raffles pada 1819 menyaksikan kedua-dua petempatan ini berkembang sebagai pelabuhan bebas dan berjaya menarik pedagang dari sekitar Kepulauan Melayu dan serata dunia. Ia seterusnya membawa kepada penubuhan NNS pada 1826 yang menyaksikan gabungan Melaka, Pulau Pinang dan Singapura yang mendapat status pelabuhan bebas. Ketiga-tiga pelabuhan ini menarik pedagang dan aktiviti pelaburan dari saudagar-saudagar Eropah dan Cina dari NNS yang mula meluaskan aktiviti mereka ke Negeri-Negeri Melayu (NNM). Ia menyebabkan pengaliran modal dalam tanaman komersil dan perlombongan serta terbukti dengan penglibatan orang Cina dalam tanaman gambir di Johor, getah di Melaka dan kegiatan perlombongan bijih timah di pantai barat NNM. Senario ini juga menandakan permulaan hubungan raja-raja Melayu dengan pengusaha Cina dan barat. Raja-raja dan pembesar Melayu bergantung kepada modal pendahuluan daripada saudagar NNS untuk memajukan aktiviti perlombongan. Selain modal, pembesar juga menerima beras dan candu. Dalam keadaan ini, perlombongan bijih timah mula menerima kehadiran elemen baharu dalam bentuk buruh Cina, modal Cina dan teknik-teknik perlombongan baharu. Saudagar Eropah dan Cina mula terlibat dalam pelaburan bijih timah berskala besar-besaran. Dengan kebanjiran saudagar dan modal di NNM, ia seterusnya membawa kepada keperluan memajukan NNM untuk kepentingan ekonomi British.

Selepas penguasaan NNS dan NNM, British cuba meluaskan pengaruh mereka di NNM melalui penubuhan pelbagai institusi. Institusi pendidikan muncul sebagai satu instrumen penting bagi melahirkan guna tenaga untuk membantu pentadbiran British di NNS dan NNM. Bab ketiga, “Pendidikan sebagai Pemangkin Pembangunan Sosioekonomi Negeri-Negeri Melayu” menghalkan perkembangan pendidikan di NNS dan NNM antara 1786-1957 dan bagaimana ia menyumbang kepada pengukuhan pentadbiran British. Pendidikan vernakular dan tinggi yang dimajukan oleh British menyediakan guna tenaga untuk pelbagai sektor. Pendidikan yang dimajukan oleh British juga menyebabkan berlaku dualisme apabila ia mewujudkan masyarakat yang lebih maju dan masyarakat yang ketinggalan kerana tidak didedahkan dengan pendidikan yang dapat melengkapkan diri untuk kemajuan. Ini terbukti daripada pendidikan yang diterima oleh orang Melayu dan buruh India di estet. Dalam konteks ini, adalah wajar dikaji pendidikan sebagai instrumen pembangunan sosioekonomi pada era pentadbiran British.

Bab keempat “Institut Penyelidikan Perubatan sebagai Instrumen Pembangunan Sosioekonomi Negeri-Negeri Melayu” melihat secara mikro

bagaimana Institut Penyelidikan Perubatan (IPP) berfungsi sebagai instrumen penting dalam menjamin kelangsungan pemerintahan British di Tanah Melayu. IPP yang ditubuhkan pada 1900 membantu peningkatan taraf hidup penduduk imigran bagi tujuan eksploitasi ekonomi. Penguasaan British ke atas ekonomi NNM dapat dilihat melalui pengenalan ekonomi berasaskan eksport. Sektor ekonomi utama yang diberikan perhatian adalah perlombongan dan perladangan. Sebagai penggerak kegiatan ekonomi, British harus memastikan wujudnya suasana yang ideal untuk menarik minat pelabur dengan membina dan memajukan sistem perhubungan serta membawa masuk tenaga buruh murah terutamanya dari India dan China. Sistem perhubungan utama yang dimajukan adalah jalan kereta api yang dibina merentasi kawasan ladang dan lombong selain menghubungkan bandar-bandar utama dengan pelabuhan. Buruh asing pula menyumbang kepada peningkatan guna tenaga manusia dalam sektor ekonomi. Penghijrahan buruh secara besar-besaran memberi kesan ke atas komposisi penduduk dan mewujudkan satu masalah baharu iaitu masalah kesihatan dan penularan penyakit. Kemunculan IPP pada waktu ini merupakan instrumen yang sangat penting kepada British untuk menjuarai penyelidikan dua jenis penyakit tropika yang sedang menular di NNM ketika itu iaitu beri-beri dan malaria. Sehingga tahun 1957, IPP melakar sejarah yang tersendiri dalam penyelidikan pelbagai jenis penyakit dan mengurangkan penularan penyakit. Ini sesungguhnya membantu dalam meningkatkan hasil pengeluaran bijih timah dan getah apabila buruh-buruh ini dapat diubati. Institut ini memainkan peranan sebagai instrumen penting dalam penyelidikan penyakit dan sekali gus menyumbang kepada perkembangan sosioekonomi Tanah Melayu.

Bab kelima, "Institut Penyelidikan Getah Tanah Melayu sebagai Pemangkin Pembangunan Negeri-Negeri Melayu" memberikan pencerahan yang jitu bagaimana British menggunakan satu lagi instrumen iaitu Institut Penyelidikan Getah/*Rubber Research Institute* (RRI) bagi memacu rancangan pembangunan ekonomi mereka. Sektor perladangan getah diberi perhatian oleh British sejak lewat abad ke-19 dan sejak itu penanaman getah di Tanah Melayu terus berkembang pesat sehingga menjadi tanaman komersil utama selepas Perang Dunia Kedua. Perkembangan industri perusahaan kereta di Eropah dan kejatuhan harga kopi di pasaran dunia menyumbang kepada kemajuan perusahaan getah di NNM. Dengan itu, British berusaha memperluaskan penanaman getah untuk memenuhi permintaan dunia terhadap getah asli. Dalam keadaan itu, RRI ditubuhkan oleh British pada tahun 1926 dengan tujuan untuk memperbaiki mutu tanaman getah bagi memastikan peningkatan kadar pengeluaran getah. RRI juga bertanggungjawab menjalankan penyelidikan terhadap kaedah penanaman, benih dan tanah supaya dapat menghasilkan susu getah yang lebih banyak. RRI menyumbang kepada peningkatan hasil pendapatan kerajaan dan penduduk serta pembukaan ladang-ladang getah yang menyediakan peluang-peluang

pekerjaan yang banyak. Ini mendorong kepada kebanjiran golongan imigran terutamanya buruh India ke ladang. Seterusnya, peningkatan perusahaan getah turut mendorong kepada keperluan menyediakan kemudahan sosial seperti institusi kesihatan untuk memelihara keadaan kesihatan tenaga buruh dan institusi pendidikan untuk melatih tenaga kerja yang mahir dan separa mahir. Pada masa yang sama, infrastruktur perhubungan seperti jalan raya, landasan kereta api dan sistem komunikasi juga dibangunkan bagi memudahkan pengangkutan getah untuk dieksport selain kemudahan untuk tenaga kerja dan pelabur.

Dapatlah dirumuskan bahawa mulai abad ke-15 sehingga negara mencapai kemerdekaan, sosioekonomi Tanah Melayu dipacu oleh British melalui instrumen atau jentera pengurusan ekonomi yang jelas. Dasar perdagangan bebas dan pelabuhan bebas yang diamalkan oleh pemerintah Melaka membantu pelabuhan ini berkembang pesat pada abad ke-15. Budaya perdagangan bebas dihidupkan semula pada abad ke-18 di Pulau Pinang dan seterusnya di Singapura pada abad ke-19. Sesudah berlaku penguasaan politik secara rasmi di NNM pada 1874, British menubuhkan beberapa institusi sebagai jentera/instrumen ekonomi untuk menintegrasikan NNM. Institusi pendidikan muncul sebagai institusi pertama untuk membekalkan guna tenaga bagi mengurangkan kos untuk merekrut tenaga buruh dalam kalangan pentadbir British. Pendidikan berkembang dalam kaedah *laissez-faire* dan berjaya memastikan hasrat British dapat dipenuhi. Kaedah *laissez-faire* diteruskan lagi dengan penubuhan IPP yang muncul sebagai institusi yang memainkan peranan khusus untuk mengawal perkembangan penyakit. Ia menjamin kesihatan penduduk dan pada masa yang sama, menjamin kelangsungan pemerintahan British. Penubuhan RRI pula berjaya mencari kaedah meningkatkan hasil getah bagi kemajuan ekonomi British. Pendapatan dari industri getah digunakan untuk memajukan kemudahan infrastruktur dan kemudahan lain bagi mengukuhkan pentadbiran British sehingga Tanah Melayu mencapai kemerdekaan.

Buku ini tidak akan dapat dihasilkan tanpa adanya sokongan dan bantuan daripada banyak pihak. Kami sangat berbesar hati dan ingin merakamkan jutaan terima kasih di atas bantuan kewangan yang diberikan oleh Universiti Malaya di bawah Kluster Penyelidikan Equitable Society (ESRC) berbentuk geran penyelidikan berjumlah RM49,000 (RP053-17SBS) bagi tempoh 2017 sehingga 2018. Setinggi-tinggi penghargaan kami rangkaikan kepada Prof. Dr. Ainin Sulaiman (mantan Dekan Kluster) dan seluruh kakitangan di bawah beliau terutamanya Cik Nurjihan Mazlan, yang membolehkan penyelidikan kami berjalan dengan lancar kerana kerjasama yang sentiasa diberikan tanpa mengenal lelah. Ucapan terima kasih juga ingin kami tujukan kepada saudara Shivalinggam Raymond A/L Sivan yang menjadi pembantu penyelidik bagi projek ini. Kesungguhan beliau mencari dan mendapatkan bahan di pelbagai institusi penyelidikan dan perpustakaan sangatlah dihargai.

Akhir kata, kami memikul sepenuhnya tanggungjawab di atas sebarang kelemahan dan kekurangan yang terdapat dalam buku ini.

Sivachandralingam Sundara Raja

Mardiana Nordin

Abu Hanifah Haris

Noraini Mohamed Hassan

Ho Hui Ling

Jabatan Sejarah

Fakulti Sastera dan Sains Sosial

Universiti Malaya



1

Melaka sebagai Emporium Perdagangan Antarabangsa Abad ke-15 dan Perkembangannya di Era Portugis dan Belanda

Abad ke-15 hingga abad ke-17 adalah zaman perdagangan di Asia Tenggara. 'Zaman perdagangan' ini berlaku kerana kebangkitan Melaka sebagai sebuah emporium perdagangan bebas¹ antarabangsa pada abad ke-15. Pada abad ini, setiap aspek berkait dengan perdagangan seperti jenis barang dagangan, pelabuhan perdagangan, kapal dagang dan bangsa yang terlibat dalam perdagangan semakin bertambah. Melaka antara pelabuhan perdagangan yang paling berjaya pada abad tersebut. Justeru itu, adalah penting untuk mengkaji dan mendalami peranan Melaka sebagai sebuah emporium perdagangan antarabangsa di samping sebagai sebuah pelabuhan yang menjalankan perdagangan bebas dalam memahami perkembangan sejarah tanah air dan impaknya terhadap negara serta rantau ini pada abad-abad terkemudian.

KEMUNCULAN PELABUHAN MELAKA SEBAGAI KUASA EKONOMI ALAM MELAYU DAN DUNIA

Perdagangan dan ekonomi adalah antara unsur utama perkembangan sejarah dan ketamadunan di rantau ini termasuklah negara kita. Kebudayaan

¹ Hakikatnya, amat jarang penulisan-penulisan terdahulu yang mengetengahkan kedudukan pelabuhan Melaka sebagai sebuah pusat perdagangan bebas. Kedudukan Melaka sebagai pusat perdagangan antarabangsa telah dibuktikan dengan jelas dalam banyak penulisan sebelum ini. Fenomena tersebut sebenarnya amat berkait rapat dengan pelaksanaan perdagangan bebas oleh pemerintah Melaka. Sivachandralingam dalam buku *Sejarah Perdagangan Bebas*, yang membincangkan kedudukan perdagangan bebas di England mengaitkan isu kedudukan pemerintah untuk mendukung idea kebebasan, persamaan dan persaudaraan di samping memenuhi tuntutan majoriti penduduk (Lihat Sivachandralingam Sundara Raja, *Sejarah Perdagangan Bebas*, Kuala Lumpur: Penerbit Universiti Malaya, 2005, h. 16). Idea ini sebenarnya telah lahir di Melaka dalam era kegemilangannya. Malahan pemerintah bukan sahaja mengambil kira pandangan penduduk tempatan tetapi juga pedagang-pedagang antarabangsa dalam menjalankan aktiviti perdagangan di Melaka.

maritim yang bertunjangkan aktiviti perdagangan merupakan nadi aktiviti masyarakat di Alam Melayu. Semasa Kerajaan Melayu Melaka mula didirikan, gugusan Kepulauan Melayu sebenarnya telah pun membentuk dan menjadi sebahagian dari jaringan perdagangan yang kompleks ekoran daripada merentasny hubungan perdagangan dari benua Afrika hingga ke China semenjak beratus-ratus tahun lamanya. Hubungan perdagangan yang erat ini telah menghubungkan para pedagang dan pelayar dari Tanah Arab, India, China dan gugusan pulau di sekitarnya. Anthony Reid menggelar abad ke-15 hingga abad ke-17 adalah zaman perdagangan di Asia Tenggara.² Menurut beliau lagi, faktor utama berlakunya 'zaman perdagangan' ini adalah kerana kebangkitan Melaka sebagai sebuah emporium perdagangan antarabangsa pada abad ke-15. Pada abad ini, setiap aspek perdagangan meliputi jenis barangan, pelabuhan perdagangan, kapal dagangan dan bangsa yang terlibat dalam perdagangan semakin bertambah dari abad-abad sebelumnya. Melaka adalah pelabuhan perdagangan antarabangsa yang paling berjaya pada abad ke-15 dan awal abad ke-16. Bermula sejak awal abad ke-15, Paul Wheatley mencatatkan semasa utusan China, Yin Ching, pertama kali tiba di Melaka iaitu pada tahun 1403, Melaka telah pun membangun sebagai sebuah pusat perdagangan.³

Melaka menjadi kuasa ekonomi Alam Melayu dan dunia pada abad tersebut, namun lebih memberi tumpuan sebagai pelabuhan perdagangan berbanding sektor ekonomi yang lain misalnya pertanian. Catatan Ma Huan menggambarkan situasi pelabuhan Melaka seperti berikut:

*Bahagian tenggara Melaka menghadap laut, manakala yang di sebelah barat laut itu adalah pergunungan. Hawa paginya panas dan malam sejuk. Tanahnya berpasir dan bergaram. Sawah ladangnya gersang, tidak menghasilkan banyak tanaman. Sedikit orang bercucuk tanam. Di situ ada sebatang sungai yang melewati istana dan terus mengalir ke laut. Sang raja membangun jambatan kayu di atas sungai. Di atas jambatan dibangun pula lebih daripada 20 balairung tempat orang berjual beli.*⁴

Catatan ini dapat menjelaskan aktiviti di kota dan pelabuhan Melaka amat tertumpu kepada kegiatan jual beli. Tome Pires pula menggambarkan secara keseluruhan, pelabuhan Melaka seperti berikut:

Men cannot estimate the worth of Malacca, on account of its greatness and profit. Malacca is a city that was made for merchandise, fitter than any other

² Anthony Reid, *Southeast Asia in the Age of Commerce 1450-1680, vol. 1*, New Haven: Yale University Press, 1988, h. 7.

³ Paul Wheatley, *The Golden Khersonese, Studies in the Historical Geography of the Malay Peninsula Before A.D. 1500*, Kuala Lumpur: University Malaya Press, 1983, h. 307.

⁴ Kong Yuanzhi, *Pelayaran Zheng He dan Alam Melayu*, Bangi: Penerbit Universiti Kebangsaan Malaysia, 2000, h. 71.

*in the world; the end of monsoons and the beginning of others. Malacca is surrounded and lies in the middle, and the trade and commerce between the different nations for a thousand leagues on every hand must come to Malacca.*⁵

Tidak hairanlah kemudian Pires menokok, “Whoever is lord of Malacca has his hand on the throat of Venice,”⁶ menggambarkan pentingnya pelabuhan Melaka terhadap penguasaan perdagangan mahupun ekonomi dunia pada waktu itu.

Pelaksanaan perdagangan bebas menjadi tarikan pedagang-pedagang dunia ke Melaka (sebagaimana yang akan dibincangkan berikutnya). Biarpun begitu, terdapat elemen lain yang turut mempengaruhi situasi ini misalnya faktor geografi yang memainkan peranan penting. Melaka terletak di laluan utama perdagangan dunia iaitu di pesisir pantai Selat Melaka,⁷ “... at one the narrowest point in the Straits of Malacca.”⁸ Kedudukannya yang strategik dengan mudah menjadi transit⁹ kepada pelayar atau pedagang Timur dan Barat.¹⁰ Apatah lagi, lokasi tersebut menjadi titik pertemuan angin monsun (seperti yang disebut oleh Pires di atas) dan memberi satu kelebihan kepada Melaka sehingga tidak boleh tidak, kapal-kapal pedagang berlabuh ke situ dalam menunggu pertukaran dua tiupan

⁵ A. Cortesao (editor), *The Suma Oriental of Tome Pires, vol. 2*, The Haklyut, 1967, h. 286.

⁶ A. Cortesao (editor), h. 287.

⁷ Menurut Nordin Hussin, Selat Melaka ini dahulunya dikenali sebagai ‘Laut Malayu’ terutama sebelum lahirnya Kesultanan Melaka. Laut Malayu ini sejak sekian lama menjadi pusat pertembungan dunia Timur dan Barat. Lihat, Nordin Hussin, *Perdagangan dan Peradaban di Laut Malayu*, Bangi: Penerbit Universiti Kebangsaan Malaysia, 2011, h. 8.

⁸ Luis Filipe F. Reis Thomaz, *Nina Chatu and the Portuguese Trade in Malacca*, diterjemahkan oleh M.J. Pintado, Melaka: Luso-Malaysian Books, 1991, h. 14.

⁹ Pelabuhan Melaka dianggap sebuah lokasi yang selamat dikunjungi sebagai pelabuhan transit, mampu membekalkan bahan-bahan segar dan air yang bersih, serta makanan kepada para pedagang yang singgah di situ. Namun yang lebih penting, pelabuhan ini menjadi pusat pengumpulan dan penyebaran barang dagang. Lihat Nordin Hussin, *Perdagangan dan Peradaban di Laut Malayu*, h. 30.

Berbeza dengan pantai barat Borneo atau pantai Timur Semenanjung, walaupun masing-masing juga bercirikan kedudukan di tengah-tengah jalan perdagangan namun kedudukan Melaka di Selat Melaka merupakan satu kelebihan kerana selat ini lebih berupa satu lorong kecil yang mesti dilalui oleh semua pedagang dalam ke mana-mana juga yang ingin ditujui. Kelebihan ini ditokok pula kedudukan Selat Melaka yang boleh memberikan perlindungan kepada kapal-kapal dari tiupan angin kencang dari lautan luas.

Dari sudut manfaat tempatan pula, tapak berdirinya kota Melaka itu berkelebihan bukan sahaja dari sudut kedudukan malah juga dari aspek ekologi, saiz, aras air dan bentuk muara Sungai Melaka tersebut yang sangat menyumbang kepada strategi pertahanan, menyerang atau diserang. Bertam (sebagai lokasi awal pendirian kerajaan oleh Parameswara) berkedudukan di lokasi yang sangat strategik, di bahagian hulu Melaka. Pelayar perlu menongkah ke hulu jika air pasang dan perlu memudik ke hilir bila air surut. Sedangkan pemimpin dan para kerabat mempunyai ruang yang luas untuk berundur sekiranya menghadapi serangan dengan masuk ke pedalaman.

¹⁰ Menurut catatan China iaitu di dalam *Han Shu* tulisan Ban Gu (32-92M), hubungan pelautan kerana perdagangan antara China dengan India telah berlaku sejak abad pertama Masihi lagi. Diyakini kapal-kapal ini melewati Selat Melaka dan dibuktikan pula dengan penemuan serpihan seramik Dinasti Qin dan Dinasti Han (abad ke-3M) di lembah Sungai Johor. Lihat, Kong Yuanzhi, *Pelayaran Zheng He dan Alam Melayu*, h. 58.

angin yang memberi faedah kepada pelabuhan Melaka iaitu angin monsun Barat Daya yang bertiup antara bulan Mei hingga Oktober, manakala angin monsun Timur Laut bertiup antara bulan November hingga April. Menurut Ahmad Dahlan, "Melaka menjadi titik sentral jalur perdagangan tiga jurusan yaitu ke-dan-dari India, China dan kawasan-kawasan lain di Asia Tenggara."¹¹

Kemunculan Melaka turut berkait rapat dengan kelumpuhan dan kelemahan yang dialami oleh Kerajaan Srivijaya dan Kerajaan Samudra Pasai di Sumatera yang sebelum ini menguasai perdagangan di Selat Melaka. Melaka berpeluang muncul sebagai pelabuhan utama di Alam Melayu pada abad ini apabila Kerajaan Srivijaya kian meruntuh. Pelabuhan-pelabuhan Kerajaan Srivijaya seperti di Palembang dan Jambi telah pun dikuasai lanun menjelang akhir abad ke-14 dan para pemimpinya mula meninggalkan kota masing-masing. Walau bagaimanapun, kenyataan ini bermaksud bahawa dunia perdagangan muncul dan aktif di Alam Melayu sebelum abad ke-15 lagi. Kajian membuktikan peradaban masyarakat Melayu yang wujud sejak abad pertama Masihi adalah bertunjangkan kegiatan perdagangan dan kehidupan maritim.¹² Aktiviti ekonomi ini bukanlah baharu namun mencapai kemuncak dan keagungan semasa Kesultanan Melaka.

Dalam usaha untuk mengembangkan perdagangan dan pelabuhannya, pemerintah Melaka menjalankan strategi penaklukan wilayah-wilayah di sekitarnya. Penaklukan bukan sahaja dapat meluaskan empayar (sebagai simbol penguasaan politik sesebuah kerajaan dan pemerintahnya), tetapi juga kawasan-kawasan yang ditakluki dapat membantu Melaka membekalkan barang-barang dagangan dan sekali gus bekalan makanan. Wilayah-wilayah di sekitar Melaka terutamanya di Tanah Melayu penting dalam membekalkan hasil galian seperti bijih timah, emas dan perak. Pires mencatatkan, wilayah Kerajaan Melaka meliputi seluruh Semenanjung Tanah Melayu. Antara wilayah di dalamnya adalah Sungai Ujong, Klang dan Selangor yang merupakan pengeluar utama bijih timah. Selain itu, wilayah lain yang membekal timah adalah Bernam, Manjung dan Beruas di Perak.¹³ Di sebelah timur Semenanjung, seperti Pahang turut dikuasai. Kajian

¹¹ Ahmad Dahlan, *Sejarah Melayu*, Jakarta: Kepustakaan Populer Gramedia, 2014, h. 122. Lihat juga hujah yang sama dalam Om Prakash, "Malacca in Asian Maritime Trade in the Early Modern Period," dalam *Malaysia History from Dutch Sources*, Kuala Lumpur: National Archives of Malaysia, 2004, h. 30.

¹² Lihat penulisan-penulisan yang telah membincangkan kewujudan kerajaan-kerajaan Melayu awal di Alam Melayu seperti Funan, Angkor, Champa, Khmer, Majapahit, Kedah Tua, Gangga Nagara dan lain-lain yang banyak bergantung kepada aktiviti pelautan terutama perdagangan dalam perkembangan tamadunnya. Rujuk kajian-kajian tersebut seperti di dalam tulisan, Abdul Rahman Abdullah, *Sejarah dan Tamadun Asia Tenggara Sebelum dan Sesudah Pengaruh Islam*, Kuala Lumpur: Utusan Publications and Distributors Sdn. Bhd., 2009; Ahmad Jelani Halimi, *Sejarah dan Tamadun Bangsa Melayu*, Kuala Lumpur: Utusan Publications & Distributors Sdn. Bhd., 2008; K.R. Hall, *Maritime Trade and State Development in Early Southeast Asia*, Sydney: George Allen and Unwin, 1985; O.W. Wolters, *Early Indonesian Commerce: A Study of the Origins of Srivijaya*, New York: Cornell University Press, 1967.

¹³ A. Cortesao (editor), *The Suma Oriental of Tome Pires*, h. 260-261.

masyarakat tempatan membuktikan, terdapat laluan darat menyusuri sungai di pedalaman Tanah Melayu bagi tujuan membekalkan barang dagangan dari Pahang yang menyusuri Sungai Pahang lalu ke Sungai Seriting langsung ke Penarikan sehinggalah menyusur pula ke Sungai Melaka. Dalam pada itu, catatan Portugis ada menyebut terdapat dua buah lombong emas sekitar Melaka, salah satunya di Pahang.¹⁴ Laluan pedalaman melewati sungai-sungai seperti yang disebut tadi menjadi jalan pengangkutan hasil galian emas dari Pahang ke Melaka dan dikatakan mengambil masa tujuh hingga lapan hari untuk sekali perjalanan.¹⁵ Selain itu, wilayah Kerajaan Melaka juga meluas keluar dari Semenanjung Tanah Melayu sehingga ke Rokan, Rupert, Siak, Kampar, Inderagiri, Tungkal di Sumatera, Lingga dan Bentan. Rokan, Tungkal dan Inderagiri merupakan pembekal utama lada hitam ke pelabuhan Melaka. Makanan laut terutama ikan pula banyak dibekalkan dari Siak, Kampar, Bengkalis juga Inderagiri. Selain daripada wilayah taklukan, negeri-negeri Melayu lain turut memasarkan hasil dagangan mereka ke pelabuhan Melaka seperti Pedir (di utara Sumatera) yang turut membawa lada hitam dan Pasai serta Jawa yang membekalkan beras.¹⁶

Selain itu, kepesatan perdagangan Melaka juga boleh dikaitkan dengan perkembangan agama Islam di Alam Melayu khususnya Melaka. Pedagang-pedagang Islam mula tertarik untuk berdagang di kawasan ini terutama apabila pemerintah Melaka mulai memeluk agama Islam dan menggalakkan penyebarannya.¹⁷ Pedagang-pedagang Islam dari pelabuhan Benggala, Gujerat,

¹⁴ Kenyataan ini sangat bersesuaian dengan catatan Pires dalam menggambarkan kekayaan Melaka yang berkait dengan perdagangan emas sebagaimana yang dinyatakannya, "*And true it is that this part of the world is richer and more prized than the world of the Indies, because the smallest merchandise here is gold, which is least prized, and in Malacca they consider it as merchandise.*" Lihat, A. Cortesao (editor), *The Suma Oriental of Tome Pires*, h. 286.

¹⁵ Hasanuddin Yusof, *Teknologi Kesultanan Melaka, Membongkar Keagungannya Berdasarkan Catatan Portugis*, Seremban: Cintai Publication dan Maktab Penyelidikan Tamadun Islam Nusantara, 2017, h. 45. Catatan ini juga menyebut, sebuah lagi lombong emas tersebut adalah di Minangkabau dan perjalanan ke Melaka mengambil masa sembilan hingga sepuluh hari melalui jalan laut dan sungai.

¹⁶ Menurut Jelani Halimi, secara asas bandar Melaka dibina di sebuah kawasan yang subur dan boleh menghasilkan sumber makanan seperti beras. Namun Melaka tidak dapat menghasilkan sumber ini secukupnya kepada penduduk Melaka yang semakin bertambah. Selain itu, walaupun tanahnya subur, Melaka kekurangan tenaga manusia untuk mengusahakan tanaman. Hal ini kerana sebahagian besar penduduk Melaka adalah bergiat dalam bidang perdagangan dan pelautan dan bukan pertanian. Semasa kunjungan Ma Huan ke Melaka (1413), beliau mencatatkan aktiviti utama penduduk Melaka adalah menangkap ikan dan berniaga. Oleh itu, tidak hairanlah Melaka perlu mengimport dan mendapatkan bekalan beras dari luar. Lihat, Ahmad Jelani Halimi, *Perdagangan dan Perkapalan Melayu di Selat Melaka*, Kuala Lumpur: Dewan Bahasa dan Pustaka, 2006, h. 17.

¹⁷ Sebagaimana Islam menarik pedagang Islam untuk berkunjung ke Melaka, faktor pedagang Islam juga antara yang menarik minat penduduk dan pemerintah Melaka untuk menerima agama ini. "Penerimaan agama Islam oleh penduduk Melaka banyak bergantung kepada faktor sosio-ekonomi di mana kemewahan yang dimiliki oleh saudagar-saudagar Islam telah menarik ramai penduduk tempatan termasuk pihak pemerintah sendiri. Mereka ini suka dan tertarik kepada saudagar Islam kerana kemakmuran mereka bergantung kepada perdagangan yang dibawa oleh saudagar-saudagar tersebut." Lihat, Mohd. Jamil Mukmin, *Melaka, Pusat Penyebaran Islam di Nusantara*, Melaka: Institut Kajian Sejarah dan Patriotisme Malaysia (IKSEP), 2004, h. 86.

Buku ini merupakan satu usaha rintis untuk melihat kesinambungan faktor yang membawa kepada penguasaan ekonomi British di Tanah Melayu antara 1500-1957. Sejarah sosioekonomi Malaysia sehingga kini hanya dikaji mengikut tema-tema yang berasingan tanpa satu kesinambungan faktor. Kesinambungan ini dikesan dari segi penggunaan instrumen ekonomi bagi mengintegrasikan ekonomi British. Instrumen yang menjadi pilihan dalam buku ini adalah dasar perdagangan bebas, institusi pendidikan, institusi penyelidikan perubatan dan institusi penyelidikan getah. Kesemua instrumen ekonomi ini dilihat mempunyai perkaitan yang jelas dalam menjamin kelangsungan pemerintahan British.

Dasar perdagangan bebas dan pelabuhan bebas yang diamalkan oleh pemerintah Melaka menjadi instrumen yang membantu pelabuhan ini berkembang pesat pada abad ke-15. Budaya perdagangan bebas yang diganggu-gugat oleh Portugis dan Belanda dihidupkan semula pada abad ke-18 dan ke-19 di Negeri-Negeri Selat.

Sesudah berlaku penguasaan politik secara rasmi di Negeri-Negeri Melayu (NMM) pada 1874, British menubuhkan beberapa institusi sebagai instrumen ekonomi untuk mengintegrasikan NNM. Institusi pendidikan muncul sebagai institusi pertama untuk membekalkan guna tenaga bagi mengurangkan kos untuk merekrut tenaga buruh dalam kalangan pentadbir British. Institut Penyelidikan Perubatan muncul sebagai institusi yang memainkan peranan khusus untuk mengawal perkembangan penyakit dan menjamin kesihatan penduduk. Penubuhan Institut Penyelidikan Getah adalah sebagai instrumen yang berjaya mencari kaedah meningkatkan hasil getah bagi kemajuan ekonomi British. Pendapatan dari industri getah digunakan untuk memajukan kemudahan infrastruktur dan kemudahan lain bagi mengukuhkan pentadbiran British sehingga Tanah Melayu mencapai kemerdekaan.

Buku ini ditujukan kepada pelajar, penyelidik dan pengajar dalam bidang sejarah, sains politik dan sosioekonomi di institusi pengajian tinggi dan juga untuk pelajar sekolah menengah atas.



**PENERBIT
UNIVERSITI
MALAYA**

